

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 MARCH 2015

Istiadat Kemahkotaan sarat nilai sejarah - Najib Um-24/3/2015

JOHOR BAHRU, 23 Mac - Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar merupakan satu istiadat yang sarat dengan nilai-nilai sejarah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata dengan mengada-

kan istiadat seperti ini, ia memberi peluang kepada ^nerasi muda mengetahui nilai-nilai sejarah berkaitan dengan Kesultanan Johor.

"Bagi kita semua terutama sekali generasi baru, mereka mendapat peluang untuk melihat (sendiri) adat resam dan sejarah Kesultan-

an Johor yang mana sudah tentu menjadi kebanggaan rakyat khususnya rakyat negeri Johor," kata Najib kepada pemberita selepas menghadiri istiadat itu hari ini.

Dengan selesainya istiadat kemahkotaan itu, Sultan Ibrahim dimahkotakan sebagai Sultan Jo-

hor kelima dalam sejarah Johor Moden, sementara Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah bergelar Permaisuri Johor.

Kali terakhir istiadat kemahkotaan diadakan adalah 55 tahun yang lepas ketika istiadat kemahkotaan Almarhum Sultan Is-

mailpada 10 Februari 1960.

Sementara itu, Najib turut merakamkan sembah tahniah kepada Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang dimahkotakan sebagai Sultan Johor.

Rafak sembah tahniah serupa juga diberikan Perdana Menteri kepada Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah,

yang turut dimahkotakan dengan membawa gelaran Permaisuri Johor.

"Merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Raja Zarith Sofiah. Moga Johor terus maju," kata Perdana Menteri menerusi laman Twitternya. - BERNAMA